

Pemikiran Kritis Menurut Islam dan Barat: Satu Sorotan Analisis

Critical Thinking According to Islam and the West: An Analytical Review

Nur Afiqah Rosdi

Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith. Akademi Pengajian Islam.
Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia.
afiqahrosdi1@gmail.com

Khadher Ahmad (Corresponding Author)

Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith. Akademi Pengajian Islam.
Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur. Malaysia
khadher82@um.edu.my

Muhammad Roflee Waehama

Faculty of Islamic Science. Prince of Songkla University.
94000. Pattani. Thailand.
muhammadrofllee.w@psu.ac.th

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no2.2>

Abstract

The topic of critical thinking is often perceived as a complex subject with little need for in-depth discussion. Therefore, this article aims to examine the aspects of debates frequently addressed by previous scholars within the framework of critical thinking, while also identifying gaps in past studies. The data for this study were collected using a qualitative research method. These data were analyzed through both inductive and deductive methods to organize them based on appropriate themes and characteristics. The findings reveal that critical thinking is a skill required across all fields of knowledge. However, this skill cannot be effectively practiced without understanding the key elements involved in ensuring that the thinking process being conducted is indeed a critical one. Among the main elements are setting clear objectives, broadening perspectives, obtaining accurate information from authoritative and trusted sources, respecting differences, and acknowledging the truth. Various research approaches exist within the topic of critical thinking, including studies focusing solely on critical thinking, research that combines critical thinking with the Qur'an, studies merging critical thinking with hadith, and research that integrates critical thinking with religious aspects. Each of these research approaches contains gaps that can be filled with recent conceptual studies, offering new insights and perspectives compared to

past trends in writing. This literature review also demonstrates significant differences between the concept of critical thinking in the West and Islam, particularly in the aspect of setting a purpose for engaging in critical thinking activities.

Keywords: elements of critical thinking; Islam; the west; Qur'an; hadis; rationality; intellect; literature review analysis

Abstrak

Topik pemikiran kritis sering disangka sebagai sebuah topik yang berat dan tiada keperluan untuk dibincangkan dengan lebih mendalam. Oleh itu, penulisan artikel ini bertujuan untuk meninjau aspek perbahasan yang sering disentuh oleh pengkaji lepas dalam kerangka ilmu pemikiran kritis di samping melihat kelompongan dalam kajian-kajian lepas. Data bagi kajian ini dikumpul menggunakan metode kajian berbentuk kualitatif. Data tersebut dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif supaya dapat disusun berdasarkan tema dan cirinya yang sesuai. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pemikiran kritis merupakan sebuah kemahiran yang diperlukan dalam semua lapangan ilmu. Namun, kemahiran ini tidak akan dapat dilaksanakan melainkan setelah mengetahui elemen utama yang terlibat dalam memastikan bahawa aktiviti berfikir yang berlangsung sedang mempraktikkan amalan berfikir secara kritis. Antara elemen utama tersebut adalah meletakkan tujuan, meluaskan sudut pandang, mendapatkan maklumat yang tepat daripada sumber yang berautoriti dan dipercayai, menghormati perbezaan dan mengakui kebenaran. Terdapat pelbagai pendekatan kajian dalam topik pemikiran kritis, antaranya kajian yang hanya menumpukan kepada topik pemikiran kritis, kajian gabungan tema pemikiran kritis dengan al-Quran, kajian gabungan tema pemikiran kritis dengan hadis dan kajian gabungan tema pemikiran kritis dengan aspek agama. Setiap pendekatan kajian tersebut memiliki ruang kelompongan yang berpotensi untuk dimuatkan dengan kajian konsep terkini yang memberikan nafas dan pandangan baharu berbanding tren penulisan yang lepas. Kajian sorotan literatur ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara antara konsep pemikiran kritis menurut Barat dan Islam terutama pada aspek meletakkan tujuan melakukan aktiviti berfikir dengan kritis.

Kata Kunci: elemen pemikiran kritis; Islam; Barat; al-Quran; hadis; rasional; akal; analisis sorotan literatur

Pendahuluan

Topik pemikiran kritis sebenarnya telah lama dibincangkan oleh para sarjana Islam, namun kebanyakannya disebut secara tidak langsung dalam penulisan. Penemuan berkaitan elemen pemikiran kritis dapat disingkap apabila dikaji secara subtteks di mana ia terkandung di sebalik penerangan mengenai ilmu-ilmu Islam dalam penulisan. Topik pemikiran kritis lebih popular di Barat kerana terlebih dahulu mendahului tugas mengkoreksi dan menyusun kembali elemen yang berkaitan seterusnya merangka aspek perbincangan dalam ruang lingkup topik pemikiran kritis. Terdapat juga sarjana-sarjana Muslim yang menghasilkan penulisan bertemakan fungsi, peranan akal, adab mahupun prinsip berfikir menurut Islam, namun penulisan tersebut muncul terkemudian jika dibandingkan dengan penghasilan penulisan daripada pihak Barat. Sebenarnya penulisan tersebut membincangkan kandungan yang lebih kurang sama dan terselit elemen pemikiran kritis yang telah disusun oleh Barat. Tambahan pula, istilah pemikiran kritis merupakan perbincangan yang baharu dan dinamakan oleh pengkaji-pengkaji Barat. Justeru, terdapat tanggapan bahawa ilmu pemikiran kritis berasal dari Barat.

Perbincangan dalam penulisan artikel ini disusun mengikut objektif penulisan. Pertama, penulisan artikel ini mengulas dan membincangkan dapatan daripada pengkaji-pengkaji lepas yang telah menghasilkan karya dalam ruang lingkup topik pemikiran kritis. Semua penulisan tersebut ditinjau bagi tujuan menganalisis perbincangan utama dalam kerangka ilmu pemikiran kritis serta melihat aspek yang sering dikupas oleh pengkaji lepas. Dengan hal yang demikian, penulis dapat menilai perbezaan hasil dapatan pengkaji lepas terhadap aspek perbincangan dalam kerangka topik pemikiran kritis. Antara objektif utama daripada penulisan artikel ini juga adalah untuk mendedahkan tren penulisan topik pemikiran kritis dan memberikan cadangan idea kajian selanjutnya supaya dapat meluaskan lagi kajian dalam topik pemikiran kritis.

Pemikiran Krisis: Suatu Tinjauan

Perlu diingatkan bahawa pemikiran kritis tidak mempunyai pengertian konkrit yang disepakati kerana ia berbeza mengikut perspektif sesuatu bidang atau pihak yang ingin menjelaskan. Walau bagaimanapun, para pengkaji lepas telah berusaha untuk membina konsep dengan meletakkan sebuah definisi pemikiran kritis yang paling tepat berdasarkan dapatan dan kefahaman masing-masing.

Menurut Stephen, pemikiran kritis adalah sebuah proses refleksi yang berlaku secara aktif di minda bagi tujuan menilai cara diri sendiri berfikir supaya dapat memperbaiki cara berfikir tersebut secara berterusan, lantas membentuk individu yang mempunyai akauntabiliti.¹ Stephen melihat pemikiran kritis lebih terperinci dengan memberikan gambaran yang berlaku terhadap proses mental yang berlaku secara dalaman, berbanding Anita yang berpendapat bahawa pemikiran kritis mengambil kira pelbagai aspek terutama faktor persekitaran yang terdekat sebelum membuat keputusan, atau mengambil sebarang tindakan, atau memberikan respons serta jawapan balas. Definisi Anita lebih menjurus kepada aspek respons yang diambil setelah selesai melakukan proses mental iaitu berfikir.²

Richard menyatakan bahawa pemikiran kritis adalah keadaan minda dan diri yang berada dalam sedar untuk mengaplikasikan elemen pemikiran yang berkualiti tinggi secara sistematik supaya dapat meningkatkan kualiti sistem berfikir secara berterusan.³ Richard menjelaskan bahawa aspek refleksi yang terdapat dalam definisi Stephen adalah menilai proses berfikir yang berlaku adakah telah melibatkan kesemua elemen pemikiran kritis yang sepatutnya. Rentetan itu, Robert menerangkan bahawa pemikiran kritis adalah proses yang berlaku secara berterusan dan memerlukan kepada latihan supaya dapat menajamkan daya intelek minda.⁴

¹ Stephen D. Brookfield, *Developing Critical Thinkers* (San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 1987), 11-14.

² Anita Harnadek, *Critical Thinking Book 2* (United State America: Critical Thinking Press & Software, 1981), 2.

³ Richard W. Paul, *Critical Thinking: How to Prepare Students for A Rapidly Changing World*, (California: Foundation for Critical Thinking, 1995), 20.

⁴ Robert H. Ennis, *Critical Thinking* (New Jersey: Prentice Hall, 1996), 1.

Alec⁵ dan Jay⁶ memasukkan elemen pemikiran kritis berkualiti tinggi sebagaimana yang dimaksudkan oleh Richard iaitu keadaan minda yang cekap menggunakan kemampuannya untuk mengaplikasi prinsip penaakulan secara aktif dengan melakukan penilaian terhadap idea, cara berkomunikasi, kemampuan menganalisis hujah dan menentukan kesahihan maklumat sama ada yang dilakukan oleh diri sendiri atau orang lain agar dapat menghilangkan keraguan dan mendapat kefahaman yang betul seterusnya mampu untuk menjelaskan apa yang difahami dengan sebaiknya.

Dalam usaha mencapai kemampuan minda yang sedemikian, Timothy et al. cenderung untuk meletakkan terus langkah yang perlu dilakukan untuk mencapai pemikiran kritis berkualiti tinggi. Menurutnya, pemikiran kritis adalah kemampuan otak untuk mengajukan soalan yang tepat dan relevan pada setiap keadaan yang menuntut seseorang individu tersebut untuk mempelajari sesuatu yang baharu, atau menyelesaikan sesuatu permasalahan supaya dapat mencapai matlamat akhir yang diinginkan daripada setiap keadaan tersebut.⁷ Selain daripada memikirkan cara diri sendiri berfikir dengan tujuan untuk memperbaiki cara berfikir seperti mana pandangan Richard dan Linda.⁸ Tujuan mempunyai kemahiran pemikiran kritis juga adalah sepertimana yang disebutkan oleh John⁹ dan Richard¹⁰ iaitu meneliti proses berfikir sendiri dengan cara menilai dahulu sebarang maklumat sebelum menerima sesuatu dakwaan atau mengiktiraf sesuatu hujah supaya dapat menilai kemunasabahan di sebalik sesuatu perkara sebelum membentuk kefahaman yang menyeluruh tentangnya.

⁵ Alec Fishe, *Critical Thinking: An Introduction* (United Kingdom: Cambridge University Press, 2001), 10.

⁶ Jay Verlinden, *Critical Thinking and Everyday Argument* (United State America: Wadsworth/Thompson Learning, 2005), 20.

⁷ Timothy L. Walter, Glenn M. Knudsvig, and Donald E.P. Smith, *Critical Thinking: Building the Basics* (Wadsworth: Thomson Learning, 2003), 1-2.

⁸ Richard Paul, and Linda Elder, *Critical Thinking: Tools for Taking Charge of Your Profesional and Personal Life* (United State America: Pearson Education, 2014), 6.

⁹ John Chaffee, *Thinking Critically* (New York: Houghton Mifflin Company, 2000), 45.

¹⁰ Richard L. Epstein, *Critical Thinking* (Wadsworth: Thomson Learning, 2006), 5.

Kesimpulannya, para pengkaji lepas merayakan beberapa bahagian dalam usaha menyusun makna pemikiran kritis. Pertama, menjawab persoalan ‘apakah’, kemudian ‘bagaimanakah’ dan terakhir adalah tujuan. Kebanyakan daripada pengkaji lepas dilihat bersepat pada bahagian pertama dan kedua, dan berbeza pada bahagian ketiga bergantung kepada perspektif bidang masing-masing. Malah, berdasarkan definisi tersebut juga, majoriti cenderung untuk menganggap bahawa kemahiran pemikiran kritis ini adalah penting untuk menilai dan mengkritik cara diri sendiri berfikir dan proses membedah fikiran sendiri ini perlu dilakukan oleh setiap manusia secara berterusan. Dengan hal yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa pemikiran kritis adalah sebuah proses minda yang berlaku secara aktif dan sedar akan keberlangsungan proses berfikir supaya dapat melakukan refleksi terhadap cara berfikir sendiri adakah telah mengaplikasikan keseluruhan elemen pemikiran yang betul dengan penuh kejujuran dan ketelusan supaya dapat memahami konteks dan konsep perkara yang sedang difokuskan dengan sebaiknya.

Wacana Pemikiran Kritis

Ternyata, kajian-kajian yang membincangkan topik pemikiran kritis secara khusus telah dilakukan dalam pelbagai bahasa di serata dunia. Setiapnya mempunyai pendekatan dan pembawaan yang berbeza-beza mengikut objektif masing-masing. Menurut Richard Paul et al., antara penulisan terawal berkaitan pemikiran kritis ialah karangan Francis Bacon dari England dengan bukunya yang bertajuk ‘The Advancement of Learning’. Beliau membawa idea pemikiran kritis yang telah digagaskan oleh tokoh-tokoh falsafah sebelum zamannya seperti Socrates dan muridnya, Plato iaitu gesaan supaya tidak bermudah-mudah dalam menerima sesuatu perkara tanpa dipersoalkan dengan soalan yang teliti dan menuntut bukti untuk diamati sebaiknya terlebih dahulu sebelum dijadikan kepercayaan atau pegangan kehidupan.

Antara mesej utama penulisan Richard Paul et al. ialah manusia itu tidak boleh diserahkan pemikiran dan kemampuan berfikir kepada diri sendiri. Justeru, dalam buku ini, beliau memuatkan penjelasan tentang proses pengumpulan maklumat kerana menurutnya, manusia perlu mempelajari dunia dan alam dengan metode empirikal. Hal ini kerana, membiarkan manusia

menggunakan kemampuan berfikir secara bebas berpotensi untuk menjurumuskan diri dalam kancah pemikiran yang terpesong kerana faktor penyalahgunaan maklumat tanpa panduan.¹¹

Descartes kemudiannya melengkapkan penemuan Francis Bacon dengan menulis buku yang bertajuk 'Rules for the Direction of the Mind'. Idea beliau dalam buku ini adalah dengan membawakan sistem berfikir yang berdisiplin iaitu memberikan penekanan kepada aspek kejelasan dan ketepatan maklumat. Beliau menggalakkan kepada masyarakat supaya bersikap skeptikal dan ragu-ragu supaya setiap maklumat yang diterima diuji terlebih dahulu akan kebenarannya supaya proses penyaringan maklumat dapat dilakukan dengan baik agar memperoleh maklumat yang tepat dan relevan sahaja sebagai input minda.¹²

Dengan hal yang demikian, dapat dilihat bahawa penulisan awal berkaitan pemikiran kritis lebih kepada idea perseorangan yang timbul terhadap pembentukan elemen pemikiran kritis secara berasingan oleh para pelopor awal sarjana bidang pemikiran kritis. Era selepasnya, bermulalah perkembangan perbincangan dalam topik pemikiran kritis dengan penghasilan pelbagai karya dengan cakupan perbahasan yang lebih meluas seperti pembinaan model pemikiran kritis berpandukan elemen pemikiran kritis dan gabungan topik pemikiran kritis dengan bidang sosial atau cabang ilmu yang lain.

Antara model pemikiran kritis yang terkenal dan sering menjadi pilihan dalam kajian-kajian ialah model yang dibangunkan oleh Benjamin Bloom et al. yang sama-sama berkolaborasi menyusun enam aspek utama dalam memperkasa kemahiran pemikiran kritis di mana ia penting untuk mencapai matlamat pendidikan. Pertama, mempunyai pengetahuan yang mencukupi, memahami konsep setiap aspek pengetahuan yang dimiliki secara komprehensif bersama kemampuan untuk mengupas maklumat yang dimiliki secara mendalam dalam kerangka perbincangan yang ditumpukan, mengaplikasikan pengetahuan yang dimiliki pada waktu dan tempatnya yang sesuai

¹¹ Richard W. Paul, Linda Elder, and Ted Bartell, *California Teacher Preparation for Instruction in Critical Thinking: Research Findings and Policy Recommendations* (Sacramento: California Commission on Teacher Credentialing, 1997), 8-9.

¹² Richard, Linda, and Ted, *California Teacher Preparation*, 9.

mengikuti metode dan disiplin yang telah digariskan. Seterusnya, melakukan aktiviti analisis dan sintesis iaitu proses mencerakinkan idea penting lalu membina hubungan antaranya. Akhir sekali, menilai maklumat dan metodologi yang digunakan supaya menepati matlamat yang telah ditetapkan.¹³

Richard dan Linda menjadikan keenam-enam elemen tersebut sebagai sebahagian daripada proses berfikir di mana sebelum berlakunya proses berfikir, seseorang individu itu perlu memiliki standard tertentu untuk membantu melancarkan proses berfikir tersebut. Antaranya standard ketepatan, kepastian, menyeluruh, relevan, penting, lengkap, logik, mendalam, penting dan adil. Memiliki standard tersebut kemudian mempraktikkannya ketika proses berfikir sedang berlaku akan melahirkan seorang pemikir kritis yang mempunyai sifat intelek yang menepati piawai intelek hasil penerapan standard tersebut secara konsisten dan berdisiplin kepada sistem berfikir.¹⁴

Menurut Stephen, konsep asas pembentukan minda kritis terdiri daripada empat komponen iaitu matang membuat jangkaan, fakta yang tepat, memahami konsep dan menilai daripada sudut pandang yang berbeza. Richard kemudiannya menambah dua komponen lain iaitu menetapkan tujuan dan bersedia dengan kesan daripada kefahaman yang dibentuk. Kegagalan daripada mengimplimentasikan keseluruhan komponen tersebut dalam aktiviti berfikir menjadikan tidak sempurna untuk dianggap sebagai seorang pemikir yang kritis.¹⁵ Justeru, kekeliruan dalam memahami sesuatu perkara menunjukkan bahawa ketidaksempurnaan mengaplikasikan kesemua atau beberapa komponen tersebut yang menyebabkan gagal mencapai keberkesanan intelektual.

¹³ Benjamin S. Bloom et al., *Taxonomy of Educational Objectives: The Classification of Educational Goals* (USA: David McKay Company, 1956), 201-207.

¹⁴ Richard Paul, and Linda Elder, *The Miniature to Critical Thinking: Concepts and Tools* (Canada: The Foundation of Critical Thinking, 2006), 21.

¹⁵ Richard W. Paul, *Critical Thinking: How to Prepare Students for a Rapidly Changing World* (California: Foundation for Critical Thinking, 1995), 157-164.

Anita telah mengenal pasti sebanyak dua puluh dua jenis kekeliruan¹⁶ dan dibahagikan kepada empat kumpulan. David dan Ronald, Thomas¹⁷ serta Aion dan Abdullah¹⁸ juga membahagikan jenis kekeliruan ini kepada empat bahagian iaitu kekeliruan untuk mempertahankan hujah, kekeliruan kerana bukti yang tidak mencukupi, kekeliruan kerana andaian yang tidak tepat dan kekeliruan pada memberikan respons.¹⁹ Rentetan itu, terbentuklah kesimpulan yang terbina dalam keadaan tergesa-gesa, mengkritik atas dasar serangan peribadi, hujah yang dikemukakan berlegar dalam kerangka intipati yang sama dan menggunakan analogi yang salah.²⁰

Kekeliruan juga disebabkan kecenderungan untuk kekal berfikir dengan cara yang lama tanpa kesedaran untuk menaiktaraf cara berfikir.²¹ Golongan yang sedemikian sebenarnya berfikir untuk memprotes dan bertelagah kerana merasakan bahawa kemuncak kemampuan intelek yang berkesan adalah apabila berjaya menemukan kesilapan. Sedangkan ini merupakan sikap yang bahaya dan bercanggah dengan konsep pemikir kritis yang sebenar iaitu mengemukakan kritikan berpandukan disiplin ilmu, bukan bertindak semberono berlandaskan emosi dan semangat semata-mata.²² Oleh itu menurut John, kekeliruan merupakan produk daripada hujah yang rapuh dan biasanya terjadi kerana pengaruh emosi, keadaan minda yang prejudis dan banyak menggunakan logik. Maka, kesimpulan yang dibina sebenarnya adalah apa yang dimahukan bukan berdasarkan fakta.²³ Dengan hal yang demikian, bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan, seseorang itu perlu berani menilai cara mengendalikan proses

¹⁶ Anita Harnadek, *Critical Thinking Book 2* (United State America: Critical Thinking Press & Software, 1981), 86-86.

¹⁷ Thomas Mc Kay, *Reasons, Explanations and Decision: Guidelines for Critical Thinking* (United State America: Wadsworth/Thompson Learning, 2000), 78-96.

¹⁸ Aion Mohd dan Abdullah Hasan, *Anda Berfikir? Bagaimana?* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions, 2005), 262-264.

¹⁹ David A. Conway, and Ronald Munson, *The Elements of Reasoning* (United State America: Wadsworth/Thompson Learning, 2000), 144-153.

²⁰ Jay Verlinden, *Critical Thinking and Everyday Argument* (United State America: Thomson Wadsworth, 2005), 106-112.

²¹ Aion Mohd dan Abdullah Hasan, *Belajar Berfikir* (Pahang: PTS Publications & Distributors, 2003), 7.

²² Aion & Abdullah, *Belajar Berfikir*, 19.

²³ John Chaffee, *Thinking Critically* (New York: Houghton Mifflin Company, 2000), 448.

berfikir supaya dapat dipastikan bahawa dirinya mengikut disiplin berfikir yang betul.

Alec, Timothy, Jay dan Ibrahim al-Harithi telah menyusun strategi berfikir yang mana harus dimulai dengan memahami konsep dan konteks isu, kemudian mendapatkan kefahaman yang jelas daripada sumber yang berautoriti dan terakhir menilai dengan penuh etika sebelum mendatangkan kesimpulan. Strategi ini juga boleh digunakan sebagai teknik menyelesaikan masalah.²⁴ Ainun dan Abdullah Hasan juga menggariskan bahawa langkah pertama untuk memahami sesuatu perkara atau merungkai permasalahan adalah dengan memahami definisi. Hal ini kerana, aspek definisi yang akan menentukan hala tuju tindakan selanjutnya seperti faktor yang diambil kira dalam pemilihan maklumat, menilai perbezaan sudut pandang, membuat keputusan dan memastikan kesan atau natijah akhir adalah seiring dengan objektif yang telah ditetapkan.²⁵

Ibrahim al-Harithi menambah bahawa sebelum memahami konsep dan konteks isu, seorang pemikir kritis akan memastikan terlebih dahulu bahawa tujuan memahami akan sesuatu hal itu adalah untuk mencari dan memperakui kebenaran. Maka, keadaan minda yang telah bersedia dengan ketetapan niat yang sedemikian, akan melahirkan sifat sabar sepanjang proses pencarian.²⁶ Robert sebelumnya telah memperincikan salah satu daripada strategi tersebut iaitu sumber yang dijadikan rujukan haruslah yang berautoriti di mana ia dihasilkan oleh pihak yang diiktiraf keilmuannya, dikenali sebagai individu yang menjaga maruah, pandangannya setaraf dengan tahap keilmuan ahli autoriti yang lain dan mampu berhujah dengan baik.²⁷

Keengganan mengikuti proses berfikir yang betul dan berkeras mempertahankan kesimpulan yang sudah diketahui salah merupakan ciri manusia egosentrik dan bukanlah seorang pemikir yang kritis kerana dengan sengaja telah memilih untuk kekal dengan persepsi pemikiran dan kefahaman yang sama walaupun

²⁴ Ainon Mohd dan Abdullah Hasan, *Teknik Berfikir: Konsep & Proses* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2000), 117.

²⁵ Ainon dan Abdullah, *Teknik Berfikir*, 117.

²⁶ Ibrahim bin Ahmad al-Harithi, *Ta'lim al-Tafkir* (Mesir: al-Rawabith al-Alamiyyah, 2009), 105.

²⁷ Robert H. Ennis, *Critical Thinking* (New Jersey: Prentice Hall, 1996), 58-64.

secara sedar telah menafikan fakta dan realiti.²⁸ Menurut Richard, golongan egosentrik ini sangat yakin dengan pendapat sendiri, nekad dengan matlamat untuk memenangkan pendapat peribadi, tidak menguasai disiplin ilmu dan berfikiran simplistik.²⁹ Tambahan pula, menurut Ainon dan Abdullah Hasan, disebabkan seseorang memiliki keyakinan diri yang sangat tinggi menjadikan mereka tidak mempedulikan fakta dan pandangan orang lain dan bertindak kurang sabar sehingga melangkaui disiplin sesuatu bidang ilmu.³⁰ Justeru, Richard dan Linda menyimpulkan bahawa berfikir dengan sistem yang betul melahirkan individu yang mempunyai sifat intelek yang tinggi kerana aktiviti berfikir yang berlaku dalam proses mentalnya dilakukan untuk mendapatkan kefahaman yang sebenar setelah memperoleh maklumat daripada sumber yang benar-benar diperakui akan kredibilitinya supaya dapat memahami konsep sesuatu perkara dengan tepat dan holistik.³¹

Jelasnya, topik pemikiran kritis telah dibincangkan secara meluas yang merangkumi setiap aspek yang berkaitan seperti definisi, elemen, ciri dan faktor penghalang pemikiran kritis. Selain itu, perbincangan mengenai pemikiran kritis yang dijelaskan oleh para pengkaji lepas dilihat mempunyai banyak persamaan dan sebahagiannya mengulangi elemen yang sama antara satu sama lain cuma berbeza pendekatan metode penerangan kajian sama ada dilakukan dengan konsep yang umum ataupun terus memfokuskan kepada elemen-elemen yang tertentu. Walaupun demikian, kajian dalam topik pemikiran kritis perlu dipergiatkan dengan konsep yang berbeza contohnya menggabungkan topik ini dengan bidang, industri atau cabang ilmu yang lain pula dengan mengadaptasi kepelbagaian model dan elemen pemikiran kritis yang telah dirangka oleh para pengkaji lepas.

²⁸ Richard Paul, and Linda Elder, *Critical Thinking: Tools for Taking Charge of Your Professional and Personal Life* (United State America: Pearson Education, 2014), 52.

²⁹ Richard W. Paul, *Critical Thinking: What Every Person Needs to Survive in a Rapidly Changing World* (Australia: Hawker Brownlow Education, 1994), 211.

³⁰ Ainon Mohd dan Abdullah Hasan, *Berfikir Secara Logik dan Kritis* (Pahang: PTS Millenia Sdn Bhd, 2005), 263.

³¹ Richard Paul, and Linda Elder, *Critical Thinking: Learn the Tools the Best Thinkers Use* (Ohio: Pearson Prentice Hall, 2006), 21.

Diskusi Pemikiran Kritis dengan al-Quran

Al-Qaradawi menggunakan terma yang berbeza iaitu *al-'aql al-'ilmiyyah* yang berlawanan dengan *al-'aql al-khurafiyah*. Beliau menggariskan enam prinsip berfikir menurut al-Quran yang membawa kepada pembentukan kefahaman yang benar yang berlandaskan wahyu. Antara prinsip tersebut ialah lapangan ilmu tidak boleh bercampur dengan emosi dan logik melampau, menghindari taklid dan fanatik serta bersikap selektif ketika menerima informasi.³² Panduan yang dibangunkan daripada al-Quran menjadikan penulisan beliau antara rujukan asas dalam bidang pemikiran kritis Islam. Al-Alma'i (1983) pula membicarakan sikap yang perlu dimiliki oleh seorang pemikir kritis, antaranya bersikap bebas daripada unsur bias, menghindari hujah yang berasaskan pandangan ekstrem, sebaliknya memilih pandangan yang membawa ke arah keharmonian serta mengekalkan keterbukaan dalam menilai pelbagai perspektif.³³

Selain itu, terdapat juga kajian yang berusaha mengeluarkan elemen pemikiran kritis daripada al-Quran. Samih Mahmoud al-karasneha dan Ali Mohammad Jubran Saleh menjelaskan bahawa al-Quran menyebut bahawa metode untuk mengasah pemikiran kritis adalah dengan meneroka dan membuat pemerhatian, menggunakan deria penglihatan dan pendengaran untuk berfikir. Hal ini kerana aktiviti mendengar dan melihat mempunyai pengaruh yang tinggi untuk perkembangan pemikiran. Jumlah informasi yang masuk melalui kedua medium tersebut paling banyak menurut Zainorah.³⁴ Secara umumnya, mesej pemikiran kritis dalam al-Quran dapat ditemui melalui penggunaan kalimah *tafakkur*, *'aql*, *dhikr*, *tadabbur*, *tafahhum* dan *fiqh*. Contohnya dalam surah al-Rum, Allah SWT banyak menggunakan perkataan *tafakkur* dan *'aql*. Gabungan kefahaman huraian daripada kedua-dua kalimah tersebut menunjukkan bahawa Allah SWT menggalakkan kepada manusia supaya menggunakan kemampuan akal yang telah dikurniakan untuk berfikir dengan serius, penuh tumpuan dan mendalam terhadap sesuatu perkara supaya dapat

³² Yusuf al-Qaradhawi, *Al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Quran al-Karim* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996), 250-266.

³³ Zahir 'Iwad al-Alma'i, *Manahij al-Jidal fi al-Quran al-Karim* (Riyadh: al-Farazdak Press, 1983), 445-451.

³⁴ Zainorah Kadri, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Surah al-Rum" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2015), 200.

membuat pertimbangan yang adil sebelum mengambil sesuatu tindakan serta menghayati pengajaran dalam kehidupan.³⁵

Dapatan kajian Zainoriah berbeza dengan Jamal Badi,³⁶ Syuhaida Idha Abd Rahim, et al.³⁷ dan Ibrahim Özdemir.³⁸ Mereka bersepakat bahawa hanya terdapat lima komponen pemikiran kritis menurut al-Quran iaitu berdasarkan kalimah *tafakkur*, *tadabbur*, *tadhakkur*, *tafaqquh* dan *ta'aqqul*. Kesemuanya menggesa supaya memaksimumkan fungsi akal dengan sebaiknya berpandukan kefahaman wahyu yang benar sebagai benteng pertahanan menghadapi cabaran pemikiran di era globalisasi. Mereka juga mencadangkan supaya diperkukuh kemahiran pemikiran kritis menerusi sistem pendidikan.

Nurfadilah dan Ahmed kemudiannya mengklasifikasikan kelima-lima komponen tersebut kepada dua kumpulan. Komponen *tafqih* dan *tadhakkur* yang juga difahami dengan aktiviti menganalisis dan membuat kesimpulan adalah proses minda yang memerlukan penggunaan akal, manakala tiga elemen lagi iaitu *tadabbur*, *tafakkur* dan *ta'qil* mesti berpandukan wahyu.

Kajian Hamdah juga mempunyai objektif yang sama dengan Zainoriah. Namun, beliau tidak mengkhususkan kajiannya kepada mana-mana surah. Tambahan pula, kajian beliau cenderung kepada aspek panduan untuk memperkasa dan mengaplikasikan kemahiran pemikiran kritis menurut al-Quran. Cara Allah SWT memupuk minda berfikir kritis kepada manusia menerusi kalam-Nya adalah dengan mendahulukan penekanan kepada aspek mana yang perlu diutamakan sebelum memahami sesuatu perkara. Dalam konteks pengajian agama, tumpuan semestinya terhadap keperluan mengenal Allah SWT. Kemudian, mengetahui dan memahami konsep serta konteks isu yang sedang dibicarakan dengan kefahaman yang benar bersama bantuan maklumat yang tepat dan relevan. Akhir sekali, membuat penilaian dengan pertimbangan antara kebaikan dan keburukan

³⁵ Zainoriah, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran," 273-278.

³⁶ Jamal Badi, "Thinking Terminologies from Qur'anic Perspective and Their Impact on Human Intellectual Development," *International Journal of Arab Culture, Management and Sustainable Development* 2.1 (2011), 42.

³⁷ Syuhaida Idha Abd Rahim et al., "Applying Islamic Perspective on Critical Thinking Skills in Teaching Halal Management Program: An Overview," *Jurnal Religación. Revista De Ciencias Sociales Y Humanidades* 4.14 (2019), 315-316.

³⁸ Ibrahim Özdemir, "Critical Thinking and Innovation: An Islamic Perspective," *Journal of Technology and Operations Management* 15.2 (2020), 36.

daripada sesuatu situasi atau isu. Semestinya, seorang pemikir kritis akan sentiasa mengutamakan kebaikan daripada setiap perkara berbanding keburukan.³⁹

Hamdah mengambil pendekatan yang berbeza berbanding pengkaji-pengkaji lepas yang hanya mengupas perbincangan berkaitan pemikiran kritis berdasarkan kalimah tertentu. Beliau menyatakan bahawa pembentukan minda kritis menurut al-Quran dapat diteladani dengan menghayati bagaimana Allah SWT menceritakan kisah, menggambarkan senario perbualan yang berlaku dan tamsilan yang Allah SWT tampilkan dalam al-Quran.⁴⁰ Mumini dan Johari pula menyokong validasi lapan elemen pemikiran kritis yang telah dibangunkan oleh Richard Paul dan Linda Elder. Bahkan, mereka mendatangkan ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan penumpuan kepada kelapan-lapan elemen tersebut. Ayat-ayat al-Quran yang dikemukakan itu sebenarnya membuktikan bahawa segala teori pemikiran kritis telah lama diperkatakan oleh Islam dalam kitab yang agung sebelum disusun oleh pengkaji Barat.⁴¹

Kesimpulannya, kajian-kajian berkaitan gabungan pemikiran kritis dan al-Quran masih kurang dijalankan. Kebanyakan kajian mempunyai rentak yang sama iaitu menumpukan objektif kepada kalimah-kalimah tertentu sahaja daripada al-Quran sebagai intipati perbincangan tema pemikiran kritis dalam al-Quran. Dengan hal yang demikian, kupasan perbincangan hanya berlegar dalam ruang lingkup yang sama. Pendekatan seperti kajian Zainorah yang memilih surah-surah tertentu atau kajian Hamdah yang memaparkan adegan dialog dan penceritaan sebaiknya digiatkan lagi supaya huraian perbincangan pemikiran kritis dapat dihidangkan dengan gambaran lebih bertumpu dan jelas kerana skop kajiannya telah dihadkan kepada konteks sesebuah surah serta meraikan ciri manusia berimajinasi dan bercakap.

³⁹ Hamdah Khamis Muhammad Syahwani, "Bina' 'Aql Naqdhiah fi al-Quran al-Karim" (tesis sarjana, Qatar University, Qatar, 2022), 187-193.

⁴⁰ Hamdah Khamis, "Bina' 'Aql Naqdhiah," 167.

⁴¹ AbdulMumini Inda, and Ahmad Johari Sihes, "Islamic and Western Perspectives of Critical Thinking," *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (Irrjsmi)* 4.10 (2022), 27.

Diskusi Pemikiran Kritis dengan Hadis

Kajian Fauzi menjelaskan secara umum tentang sikap *muhaddithin* yang begitu teliti dalam menerima dan membukukan hadis.⁴² Akhlak ini merupakan cerminan kepatuhan terhadap arahan daripada al-Quran dan hadis. Walaupun Fauzi tidak menyebut secara jelas kewujudan elemen pemikiran kritis di kalangan *muhaddithin* dalam penulisannya, namun dapat difahami secara tidak langsung kewujudan elemen pemikiran kritis berdasarkan sikap teliti *muhaddithin* tersebut. Khairiah kemudiannya meluaskan lagi penemuan Fauzi dengan menghalakan kupasan kepada cabang ilmu hadis yang lain iaitu *jarh wa ta'dil*. Begitu juga dengan kajian Sa'aduddin dan Tajuddin yang menyimpulkan bahawa penetapan panduan mengkritik perawi dalam ilmu *jarh wa ta'dil* menunjukkan penguasaan kemahiran pemikiran kritis di sisi ulama hadis. Hal ini kerana oleh para *muhaddithin* tidak akan sewenang-wenangnya menerima sesuatu hadis tanpa meneliti terlebih dahulu kredibiliti setiap perawi pada sanad.⁴³

Kajian Fauzi et al. turut menumpukan kepada elemen cermat dan teliti dalam pemikiran kritis yang dapat dilihat melalui tindakan yang meletakkan syarat yang ketat sebagai kayu ukur penilaian status kesahihan hadis. Walau bagaimanapun, konsep elemen teliti dalam pemikiran kritis yang dimaksudkan oleh Khairiah adalah berpaksikan kepada tiga unsur iaitu mengemukakan bukti tanpa prejudis dan hasad dengki, menjauhi kekeliruan dan keraguan serta membuat keputusan secara berobjektif bukan berlandaskan emosi. Beliau juga mendatangkan sokongan daripada contoh hadis bagi setiap unsur yang dikemukakan.

Menurut Tajuddin pula, konsep cermat dan berhati-hati berpaksikan daripada tiga unsur yang lain. Pertama amanah, iaitu keseimbangan dan adil dalam memberikan pujian atau kritikan kepada setiap perawi hadis. Seterusnya, penerangan yang menyeluruh terhadap seseorang perawi seolah-olah telah mengenali semua latar belakang kehidupan dan karakter setiap

⁴² Fauzi Deraman, "Metodologi Muhaddithin: Suatu Sorotan," *Jurnal Usuluddin* 12 (2000), 5.

⁴³ Sa'aduddin Mansur Muhammad dan Tajuddin Ahmad Sa'id 'Abbas, "Cara Pemikiran Kritikal Para Ulama Hadith," *Majalah Islam Asia, Volume Khas Islam dan Ibad'* 3 (2017), 128-129.

perawi yang terlibat. Akhir sekali, mengkritik dengan adab dan ilmu serta tidak melampaui batas dengan menggunakan perkataan yang santun yang masih menampakkan penghormatan terhadap keluasan ilmu yang dimiliki.⁴⁴ Kesemua kajian ini berkongsi fokus kepada elemen yang sama iaitu sikap cermat dan teliti para *muhaddithin* sebelum menerima sebarang hadis.

Kebanyakan diskusi pemikiran kritis dengan hadis menggunakan metode kualitatif. Jelani melakukan kelainan dengan mengumpulkan data menggunakan kaedah kajian dengan reka bentuk kuantitatif. Beliau terlebih dahulu menerangkan bahawa syura yang diamalkan oleh Nabi SAW dan para sahabat terutamanya sebelum menyertai peperangan menunjukkan bahawa mereka memanfaatkan kemampuan akal untuk menilai dan menganalisis keperluan semasa yang sesuai sebagai strategi perang untuk menghadapi tentangan kaum musyrikin Quraisy.⁴⁵ Adapun objektif kajian beliau adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran enam puluh orang pelajar terhadap galakan berfikir dengan kreatif yang terdapat dalam hadis. Menurutnya, kajian tahap kesedaran seperti ini penting untuk dilakukan supaya para pelajar mengetahui bahawa Nabi SAW sendiri menggalakkan umat Baginda bersikap kreatif.

Ibrahim Özdemir juga memuatkan huraian hadis yang sama tentang syura yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda ketika menghadapi Perang Khandak.⁴⁶ Selain syura, Saed Dirar menambah bahawa ruang ijtihad yang disediakan oleh Islam juga menunjukkan galakan mengaplikasikan kemahiran pemikiran kritis. Perkara ini dapat dilihat pada tindakan Nabi SAW yang mengizinkan Muaz bin Jabal untuk berjihad memandangkan beliau akan berada jauh daripada Nabi SAW kerana berkhidmat sebagai wakil kerajaan Islam di Yaman.⁴⁷

⁴⁴ Tajuddin al-Abbas, "Asbaqiyah Ulama Muslimin fi Manhaj Tafkir al-Naqid," *DIRAYAH: Jurnal Ilmu Hadis* 1.1 (2020), 89.

⁴⁵ Jelani Sulaiman, "Hadith as a Source of Reference for Creative Thinking and Problem Solving Among Muslim Students in Tertiary Education" (prosiding seminar, International Conference and Muktamar on Prophetic Sunnah (ICMAS), Sultan Ahmad Shah Islamic College University (KUIPSAS), 28 & 29 Januari 2021), 81-82.

⁴⁶ Ibrahim Özdemir, "Critical Thinking and Innovation: An Islamic Perspective," *Journal of Technology and Operations Management* 15.2 (2020), 37-38.

⁴⁷ Saed Dirar Mohamed Theeb, "Proof of Interest in Creative Thinking in the Islamic Jurisprudence" (E-Proceeding Kolokium Siswazah Fakulti Sains dan Teknologi 2020

Al-Quran telah menunjukkan saranan untuk berfikir dengan kritis menggunakan kalimah *tafakkur*, *tadabbur*, *tadhakkur*, *tafaqquh* dan *ta'aqqul*. Fuad et al. mendatangkan lima contoh daripada hadis yang mengandungi ungkapan kalimah tersebut. Walaupun tidak menghuraikan dengan terperinci perkaitan kalimah tersebut dengan konteks pemikiran kritis, namun persamaan dapatan terhadap kalimah dibincangkan juga dalam kajian Jamal Badi, Nurfadilah dan Ahmed, Syuhaida Idha Abd Rahim et al. dan Ibrahim Özdemir dilihat berjaya menampung kelompongan dengan mendatangkan kalimah yang sama tetapi diungkapkan dalam hadis. Dapatan kajian Fuad et al. sekaligus menunjukkan sisi keseragaman dua sumber perundangan Islam dalam menggesa umat manusia supaya berfikir dengan kritis.

Kesimpulannya, kajian berkaitan diskusi pemikiran kritis dengan hadis sudah ada dijalankan tetapi kebiasaannya dikaji pada aspek kewujudan elemen pemikiran kritis di sebalik kaedah atau metode yang telah dibangunkan oleh para *muhaddithin*. Kajian sebegini menampilkan sisi pemikiran kritis para ulama dalam meletakkan garis panduan pada setiap disiplin ilmu hadis. Tren sebegini wajar dipergiatkan lagi memandangkan cabang ilmu hadis begitu luas selain daripada cabang *jarh wa ta'dil* yang sering menjadi pilihan pengkaji lepas. Selain itu, mereka juga sering menggunakan hadith yang sama sebagai contoh elemen pemikiran kritis menurut perspektif hadith. Tambahan pula, kebanyakan pemberatan dapatan kajian-kajian lepas cenderung untuk mengekalkan gaya yang sama dengan diskusi pemikiran kritis dengan al-Quran, iaitu dengan menumpukan kepada kalimah-kalimah tertentu sahaja daripada hadis. Kajian fikah hadis berkenaan pemikiran kritis masih kurang dijalankan. Kelompongan kajian dalam diskusi ini boleh dilengkapi dengan mengkaji kesemua elemen pemikiran kritis yang utama kemudian mendatangkan contoh daripada hadis yang berlainan pula. Dalam hal yang demikian, masyarakat akan memperoleh pandangan pelbagai terhadap hadis yang meraikan penemuan ilmu-ilmu baharu.

(KOSIST 2020), Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, 9 Disember 2020), 89-90.

Diskusi Pemikiran Kritis dengan Fikah

Selain wacana pemikiran kritis dengan al-Quran dan hadis, terdapat juga kajian yang menyetengahkan elemen pemikiran kritis dalam fikah, antaranya perkaitan aspek pemikiran kritis dengan *qawa'id al-fiqhiyyah*. Idea kajian ini dilakukan oleh Fauzi dan Sobri. Memandangkan terdapat banyak kaedah fikah, pengkaji hanya menghadkan kepada lima kaedah pendekatan yang terpilih kerana berpendapat bahawa cabang yang lain sebenarnya bermula daripada lima metode tersebut. Kelima-lima kaedah fikah dikaitkan dengan aspek pemikiran kritis dan digandingkan dengan dalil nas yang berbeza untuk menyokong setiap kaedah tersebut. Namun, nas yang dikemukakan berperanan sebagai justifikasi kepada kaedah fikah tersebut bukannya dikaitkan dengan aspek pemikiran kritis yang berkaitan.

Penerangan dimulakan dengan kaedah fikah yang mempunyai komponen utama dalam aspek pemikiran kritis iaitu menetapkan objektif yang betul menerusi kaedah *al-umur bi maqasidiha*. Seterusnya, kaedah *al-yaqin la yazalu bi al-shak* mengandungi elemen ketepatan dan kepastian sebelum melakukan sebarang penilaian. Kaedah *al-masyaqqah tajlibu al-taysir* pula menuntut seseorang supaya mempunyai minda pragmatik iaitu memiliki kemampuan untuk menilai sesuatu keadaan secara realistik bukannya dipengaruhi oleh nafsu dan emosi. Manakala, kaedah *al-darar yuzal* pula menampilkan aspek minda proaktif yang berkebolehan untuk berfikir dan melihat ke hadapan. Kaedah yang terakhir *al-`adat al-muhkamah* menuntut seorang supaya bersikap cermat dan teliti dalam menilai amalan kebiasaan dan adat masyarakat setempat supaya tidak sesekali bercanggah dengan syariat Islam. Berdasarkan hasil dapatan kajian, kaedah fikah secara konsisten menyelesaikan permasalahan hukum sebenarnya sudah cukup untuk melatih umat Islam membentuk minda yang kritis.⁴⁸

Sayed Sikandar dan Mek Wok pula mengulas bahawa pemikiran kritis merupakan suatu keperluan dalam menangani isu fikah yang baharu. Oleh itu dalam Islam terdapat ruang keizinan bagi yang berkelayakan supaya berjihad dan melarang taqlid secara membuta tuli. Keperluan memperkasakan kemahiran

⁴⁸ Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias, "Aspek-aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawa'id al-Fiqhiyyah," *Jurnal Syariah* 18. 3 (2010), 559.

pemikiran kritis telah menjadi suatu tuntutan pada zaman kini oleh sebab peredaran zaman yang padat dengan isu baharu dan lebih kompleks. Ini memerlukan kepada cara pandang yang baharu terhadap pendapat ulama yang terdahulu, namun masih menjaga *dhawabit* yang sepatutnya dalam usaha memberikan perspektif terkini terhadap dalil.

Antara usaha yang dicadangkan untuk memperkasakan kebolehan kemahiran pemikiran kritis adalah dengan mempersoalkan kerelevanan pandangan terdahulu dari sudut aplikasinya pada era semasa di samping mengambil kira perkembangan ilmu lain. Selain itu, pendedahan ilmu perbandingan mazhab, ilmu maqasid syariah dan penganjuran wacana intelektual pelbagai bidang dapat membentuk minda multi-disiplin merupakan persediaan dalam membuat penilaian. Sikap melatih untuk tidak memandang sesuatu dengan pendekatan yang simplistik sebaliknya memahami permasalahan semasa secara holistik dapat memberikan solusi yang bertepatan dengan masalah semasa.⁴⁹

Saed Dirar Mohamed Theeb turut mengkaji mengenai pemikiran kritis terhadap ijtihad dan syura. Beliau mengatakan bahawa, berdasarkan dalil al-Quran dan hadis Allah SWT menyeru kepada umat manusia supaya memanfaatkan fungsi akal dengan sebaik mungkin. Islam menjadikan ijtihad dan syura sebagai platform yang padat dengan ruang untuk mengasah dan memanfaatkan kemahiran pemikiran kritis. Hal ini kerana, kedua-dua keadaan tersebut menuntut pihak yang berkeelayakan supaya membuat penilaian dengan penuh ketelitian berdasarkan sandaran bukti yang diyakini benar lagi relevan supaya dapat menghasilkan keputusan yang menepati prinsip Islam yang mana tidak memberatkan dan banyak mendatangkan kebaikan kepada manusia.⁵⁰

Selain itu, Norafifah pula mengambil pendekatan mengkaji dari sudut sejarah Islam dan memilih era pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz sebagai sasaran kajian. Objektif kajian beliau adalah untuk mengkaji kewujudan elemen pemikiran kritis dalam

⁴⁹ Sayed Sikandar Shah Haneef, and Mek Wok Mahmud, "Critical Thinking in Islamic Law: The Search for Strategies," *Jurnal Syariah* 18.1 (2010), 78-83.

⁵⁰ Saed Dirar Mohamed Theeb, "Proof of Interest in Creative Thinking in the Islamic Jurisprudence" (prosiding seminar, E-Proceeding Kolokium Siswazah Fakulti Sains dan Teknologi 2020 (Kosist 2020), 25 Disember 2020), 90.

sistem pemerintahan Umar Abdul Aziz. Hasil dapatan menemukan bahawa Umar Abdul Aziz sangat menekankan budaya pemikiran kritis dalam pentadbiran terutama pada aspek mementingkan kebenaran sebelum menerima sesuatu perkhabaran. Sikap ini dapat dilihat daripada tiga sudut aplikasi oleh Umar Abdul Aziz iaitu sentiasa berfikir secara analitikal terhadap sesuatu permasalahan yang kompleks dengan mengambil kira semua aspek yang sewajarnya seperti pertimbangan antara baik dan buruk, sebab dan akibat serta persamaan dan perbezaan. Kedua, segala keputusan yang dibuat sentiasa akan dipastikan agar seiring dengan objektif pentadbiran. Manakala, yang terakhir sebagai pemimpin negara Islam, segala penilaian dilakukan dengan pragmatik iaitu fokus kepada solusi yang realistik serta munasabah dengan keadaan semasa dan setempat.⁵¹ Norafifah juga mendatangkan potongan hadis bagi ketiga-tiga aspek tersebut sebagai pengiktirafan bahawa cara pentadbiran Umar Abdul Aziz adalah bertepatan dengan saranan Nabi SAW supaya berfikir secara kritis.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa tidak dinafikan bahawa bidang fikah antara cabang pengajian agama yang paling banyak menonjolkan penggunaan pemikiran kritis, walaupun begitu ia masih ada ruang untuk dikaji. Apatah lagi cabang pengajian agama yang lain. Walaupun kebanyakan hasil dapatan kajian menunjukkan elemen yang sama seperti teliti, cermat dan kebenaran sumber, tetapi sebenarnya ia menunjukkan bahawa setiap perincian dalam aspek pengajian agama Islam mengasah umatnya supaya berfikir dengan kritis dan sekaligus membuktikan bahawa disiplin ilmu Islam telah terlebih dahulu mendahului Barat dalam melatih minda manusia untuk berfikir dengan kritis. Maka, sewajarnya digiatkan usaha mengkaji aspek pemikiran kritis dalam pelbagai cabang pengajian agama Islam yang lain supaya dapat diberikan justifikasi secara sah bahawa prinsip pemikiran kritis sebenarnya digagaskan oleh Islam.

⁵¹ Norafifah Ab Hamid, "Budaya Berfikir Kritis: Kajian Di Era Pemerintahan Kalifah Umar Bin Abd Al Aziz" (tesis sarjana, Universiti Malaya, 2010), 83-115

Pemikiran Kritis Menurut Barat

Berdasarkan perbincangan idea seputar topik pemikiran kritis menurut sudut pandang Barat, hakikat yang perlu disedari bahawasanya menyerahkan penggunaan dan pengawalan akal atau minda untuk berfungsi secara bersendirian bukanlah suatu tindakan yang selamat.⁵² Akal tidak dikurniakan keistimewaan dan kemampuan untuk terus bertindak secara automatik mengiktiraf kemunasabahan pada sesuatu perkara. Hal ini kerana, proses berfikir kebiasaannya dipengaruhi oleh banyak faktor dan kecenderungan, antaranya faktor lingkungan sosial, politik, ekonomi, agama, nilai-nilai tertentu, agenda peribadi dan minat. Pertimbangan yang tidak seimbang dalam meraikan faktor-faktor tersebut akan menyebabkan berlakunya bias ketika proses membuat penilaian. Kesannya adalah gambaran atau kefahaman terhadap sesuatu perkara dibentuk berdasarkan sepertimana yang dimahukan walaupun bercanggahan dengan fakta kemudian hidup dengan andaian yang dibina sendiri.⁵³

Menyedari hal itu, para pengkaji Barat menyeru supaya dirangka satu sistem berfikir yang berstruktur supaya dapat mengenal pasti aktiviti mental yang sedang berlaku di minda dan membuat refleksi agar dapat dipastikan bahawa setiap aktiviti tersebut berada di landasan yang betul mengikut sistem berfikir yang sebenar. Para pengkaji terkemudian menyahut seruan tersebut dan mula merangka serta memperkenalkan model atau teori pemikiran kritis masing-masing. Antara teori yang terkenal adalah *Bloom's Taxonomy*, *The Paul-Elder Model* dan *The Toulmin Model*.

Berdasarkan pengamatan penulis, kesemua teori tersebut mempunyai asas dan kupasan berkenaan nilai atau elemen pemikiran kritis dalam ruang lingkup yang sama. Seiring perkembangan zaman, pengasas teori tersebut memperincikan lagi konsep setiap elemen dan membentangkan struktur yang baharu supaya tampak lebih tersusun. Ringkasnya, sistem berfikir dengan kritis terlebih dahulu memerlukan kepada tujuan yang jelas.

⁵² Richard, Linda Elder, and Ted Bartell, *California Teacher Preparation for Instruction in Critical Thinking: Research Findings and Policy Recommendations* (Sacramento: California Commission on Teacher Credentialing, 1997), 8-9

⁵³ Linda Elder, and Richard Paul, "Critical Thinking: Intellectual Standards Essential to Reasoning Well Within Every Domain of Thought," *Journal of Development Education* 36.3 (2013), 34.

Kemudian disusuli dengan pengumpulan maklumat daripada sumber yang berautoriti. Seterusnya, membuat penilaian yang seimbang dan adil dengan mengambil kira sudut pandang yang berbeza supaya dapat membuat jangkaan awal. Terakhir, membentuk kesimpulan yang mengambil kira kesan atau implikasi yang akan terjadi. Matlamat akhir daripada menggerakkan kemahiran pemikiran kritis menurut Barat adalah untuk melahirkan individu yang bersikap berfikiran adil dan terbuka untuk menerima kebenaran.

Berfikiran adil menurut pandangan Barat adalah berusaha untuk meraikan idea dan pandangan orang lain tanpa dipengaruhi oleh agenda atau mesej yang dibawa dalam penyampaian mereka.⁵⁴ Dengan ini akan dipastikan bahawa tiada sebarang idea yang akan ditindas dan semuanya berhak untuk didengari atau disampaikan. Hal ini kerana pemikir yang adil terbuka untuk mendedahkan diri kepada penyampaian maklumat yang meluas supaya dapat membuat penilaian yang mendalam dan mengenal pasti golongan yang cuba untuk memanipulasi agar mempercayai pegangan atau mengamalkan perbuatan tertentu mengikut kepercayaan golongan tersebut.⁵⁵ Tindakan memaksa dan menghalang daripada mempunyai sudut pandang sendiri adalah bertentangan dengan sikap pemikir yang adil kerana ia menutup ruang untuk mengamalkan prinsip toleransi dan berbeza pendapat.⁵⁶

Pendedahan kepada maklumat yang begitu terperinci juga membantu seorang pemikir kritis untuk merangka semula sebuah konsep baharu supaya dapat membuat refleksi dan perbandingan dengan idea sendiri sebelum memutuskan kebenaran hujah.⁵⁷ Kebenaran yang dimaksudkan oleh sudut pandang Barat pula adalah sesuatu yang realistik dan mempunyai kefahaman yang sama terhadap sesuatu.⁵⁸ Jon menambah bahawa sifat kebenaran

⁵⁴ Richard Paul, and Linda Elder, *The Miniature to Critical Thinking: Concepts and Tools* (Kanada: The Foundation of Critical Thinking, 2007), 17.

⁵⁵ Richard Paul, and Linda Elder, *The Thinker's Guide to Fallacies: The Art of Mental Trickery and Manipulation* (Kanada: The Foundation of Critical Thinking, 2006), 6.

⁵⁶ Eleanor J. Brown, "Fair-Minded Critical Thinking in Development Education Reflections on Pedagogies for Transformation," *International Journal of Development Education and Global Learning* 6.1 (2014), 23.

⁵⁷ Eleanor J. Brown, "Fair-Minded Critical Thinking in Development Education," 12.

⁵⁸ William James, *The Meaning of Truth* (United States America: Project Gutenberg, 2004), 115-116.

itu tidak akan pernah menonjolkan diri secara menyeluruh. Jika ada dakwaan yang mengatakan bahawa bersamanya ada kebenaran, sebenarnya kebenaran yang dibawa masih terdapat kelompongan dan aspek tersembunyi yang menjadikan ia mustahil untuk memiliki seluruh kebenaran itu.⁵⁹

Tujuan utama mengasah kemahiran berfikir dengan kritis adalah sebagai perisai yang teguh mempertahankan pegangan, nilai dan pendirian diri daripada dieksploitasi dengan mudah oleh pihak yang berkepentingan.⁶⁰ Antara lain juga adalah sebagai alat pembantu untuk membuat keputusan yang terbaik, merefleksi pemikiran sendiri dengan kaedah yang berstruktur, melengkapkan diri dengan maklumat yang relevan dan membantu untuk mencari solusi dengan cara yang matang.⁶¹

Nilai kesaksamaan yang meraikan semua pendapat sepertimana yang terdapat dalam konsep pemikiran adil menurut Barat semestinya menunjukkan suatu sikap yang baik kerana menunjukkan kesudian untuk berlapang dada dengan perbezaan. Walau bagaimanapun, konsep adil sedemikian boleh membawa kepada sifat egosentrik kerana membuka ruang untuk bersikap keras pada pendirian sendiri yang berkemungkinan sebenarnya adalah salah. Hal ini terjadi kerana segala hujah yang dikongsikan dalam sesuatu perbincangan sekadar untuk didengari dan meraikan perbezaan, kemudian menilai kredibiliti dan kekuatan hujah yang dikemukakan tanpa hadirnya perasaan untuk memperakui kebenaran melainkan jika mempunyai pendapat yang sama, maka faktor persamaan itu yang akan menentukan kebenaran. Sedangkan bilangan bukanlah penentuan kebenaran.

Ukuran kebenaran menurut Barat tidak dapat dinyatakan secara jelas, bahkan mereka berpendapat bahawa kebenaran tidak akan pernah lengkap. Justeru, boleh dikatakan bahawa konsep pemikir yang adil dan konsep kebenaran yang dirangka oleh Barat tidak mempunyai suatu kayu ukur yang tetap dan tegas di mana kelompongan ini berpotensi untuk menjadikan proses berfikir dan

⁵⁹ Jon Mills, "Truth," *Journal of the American Psychoanalytic Association* 62.2 (2014), 291.

⁶⁰ Peter A. Facione, *Critical Thinking: What it is and Why it Counts* (Kanada: Measured Reasons LLC, 2020), 24.

⁶¹ "Critical Thinking & Why It's So Important", laman sesawang *The Graduate School: Nichols College*, diakses pada 20 November 2024, <https://graduate.nichols.edu/blog/why-is-critical-thinking-important/>.

proses refleksi diri yang merupakan antara aspek penting dalam definisi pemikiran kritis masih lagi terbuka untuk dipengaruhi oleh bias peribadi.

Pemikiran Kritis Menurut Islam

Kewujudan dan kemampuan akal tidak pernah dinafikan oleh Islam. Bahkan, Islam mengangkat darjat manusia melebihi makhluk yang lain oleh sebab kurniaan akal yang ada pada diri mereka. Islam menerusi wahyu al-Quran dan hadis menyeru umat manusia supaya memanfaatkan fungsi dan kebolehan akal untuk memakmurkan kehidupan di bumi dan menggunakannya untuk kebaikan. Ayat al-Quran banyak mengajarkan kepada manusia cara untuk menggerakkan fungsi akal dan melorongkan ke pelbagai aspek dalam kehidupan yang perlu diberikan tumpuan yang banyak untuk dilibatkan dalam proses berfikir. Matlamat akhir daripada aktiviti berfikir juga disebut pada banyak tempat dalam al-Quran iaitu untuk menyedari dan memperakui akan kebesaran dan keesaan Allah SWT.⁶²

Hadis Nabi SAW juga menjelaskan perkara ini dan memaparkan situasi yang melibatkan penggunaan pemikiran kritis sebagai motivasi kepada umat Islam untuk menggalakkan penggunaan akal pada tempatnya yang betul menurut syarak.⁶³ Dengan hal yang demikian, dapat difahami bahawa ukuran kebenaran sistem berfikir di sisi Islam adalah berdasarkan keseragamannya dengan al-Quran dan hadis yang telah diturunkan oleh pencipta akal itu sendiri. Maka, selayaknya hanya Dia yang tahu bagaimana menggunakan akal sesuai dengan fitrah penciptaannya dan sepatutnya seseorang manusia memberikan hak penggunaan akal yang sebenarnya dengan penuh ketaatan.

Berdasarkan dapatan pengkaji lepas, terdapat lima perkataan daripada al-Quran dan hadis yang menunjukkan komponen pemikiran kritis yang sekaligus menerangkan bagaimana memfungsikan akal dengan betul. Maka, berpada

⁶² Abdul Mukti Baharudin, "Peranan Akal dalam Mengenal Allah S.W.T.: Kajian Terhadap Surah al-Nahl," (*Proceeding of the International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith* 2018 (THIQAH 2018), ILIM, Bangi, Selangor, 7 Mac 2018), 235-236.

⁶³ Mohamad Fuad Haji Ishak et al., "Pemikiran Kritis dari Perspektif al-Hadith," (*prosiding persidangan, International Conference on Islamic Civilisational Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, 2011), 27.

dengan kalimah tersebut untuk menggarap konsep pemikiran kritis menurut perspektif Islam. Kalimah yang dimaksudkan ialah *tafakkur*, *tadabbur*, *tadhakkur*, *tafaqquh* dan *ta'aqqul*. Kalimah *tafakkur* disebut dalam pelbagai bentuk pada 17 tempat⁶⁴ dalam al-Quran dan digunakan pada ayat yang menyebutkan tentang ciptaan Allah SWT seperti bumi,⁶⁵ buah-buahan,⁶⁶ arak⁶⁷ dan sebagainya. Menurut dapatan kajian Zainorah, *tafakkur* bermaksud merenung dan memusatkan fokus aktiviti berfikir dengan penuh kesungguhan secara mendalam supaya dapat menyingkap sesuatu yang belum diketahui.⁶⁸ Definisi ini bertepatan dengan aspek refleksi yang sering disebutkan oleh pengkaji Barat dalam menjelaskan aktiviti mental yang berlaku dalam proses berfikir dengan kritis. Aktiviti refleksi minda bermula dengan mudah iaitu mengamati perkara yang sudah tergambar dengan jelas seperti penciptaan Allah SWT yang terdapat dalam ruang persekitaran yang terdekat. Kebanyakan kalimah *tafakkur* yang digunakan dalam al-Quran adalah dalam bentuk *fi'il mudhari'*. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan bahawa aktiviti refleksi adalah suatu perbuatan yang perlu sentiasa dilakukan pada setiap ketika.⁶⁹

Seterusnya kalimah *tadabbur*. Huruf asal kalimah ini ialah *da*, *ba* dan *ra* yang bermaksud hujung kepada sesuatu. Kalimah *tadabbur* digunakan khusus kepada cara berinteraksi dengan al-Quran dan tidak digunakan untuk bahan bacaan yang lain seperti buku atau majalah.⁷⁰ Konsep ini bermaksud bahawa Allah SWT menghendakkan umat Islam supaya mendalami dan menggali setiap hikmah yang terkandung dalam al-Quran sehingga kepada hujung pengertian yang terkandung di dalam sesuatu ayat seperti mengambil kira aspek latar belakang dan kesan daripada pengamalan atau pengabaian terhadap sesuatu perintah atau

⁶⁴ Tanzil Project, "Tanzil: Quran Text," laman sesawang *Tanzil.net*, diakses 20 November 2024, <https://tanzil.net/#search/quran/%D8%AA%D9%81%D9%83%D8%B1/p2>.

⁶⁵ Surah al-Jathiyah, ayat 13.

⁶⁶ Surah al-Nahl, ayat 69.

⁶⁷ Surah al-Baqarah, ayat 219.

⁶⁸ Zainorah Kadri, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran: Kajian Surah Al-Rum" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015), 114-117.

⁶⁹ Zainorah Kadri, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran," 119-120.

⁷⁰ Zainorah Kadri, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran," 136.

hikmah yang terdapat pada ayat tersebut.⁷¹ Walaupun penggunaan kalimah *tadabbur* dihadkan gandingannya dengan al-Quran sahaja, namun konsep pengertiannya seiring dengan konsep pemikiran kritis iaitu berfikir secara menyeluruh sehingga ke akhir dengan mengambil kira kemungkinan implikasi yang akan berlaku. Tambahan pula, kalimah ini disebut pada empat tempat dalam al-Quran dan bentuk *fi'il mudhari'*.⁷² Keadaan ini seolah-olah menunjukkan bahawa hanya kandungan al-Quran yang paling layak di dunia ini untuk sentiasa difikirkan tentangnya dengan sedalam-dalamnya hingga ke penghujung pengertian sesuatu ayat.⁷³

Kalimah *tadhakkur* pula membawa konotasi makna untuk sentiasa mengimbas kembali peristiwa lepas supaya dapat diambil pengajarannya seperti kisah umat terdahulu yang diceritakan dalam al-Quran dan merangka perancangan yang lebih menguntungkan demi kehidupan yang lebih baik di dunia dan di akhirat.⁷⁴ Berfikir dengan menilai pengajaran dan iktibar daripada peristiwa lepas merupakan salah satu cara melakukan proses refleksi dengan berkesan. Ini adalah sebahagian daripada yang dimaksudkan dengan meraikan pelbagai sudut pandang sebelum membuat keputusan atau mengambil sebarang tindakan iaitu tidak mengesampingkan aspek sejarah sehingga taksud kepada perancangan di masa hadapan sahaja. Sikap teliti dan berhati-hati menilai pengajaran daripada tindak tanduk yang lepas merupakan antara ciri pemikir kritis.

Pengertian *tafaqquh* dalam al-Quran pula bermaksud objektif berfikir adalah untuk mendapatkan kefahaman yang benar tentang konsep sesuatu ilmu bersama kesediaan untuk mengikuti disiplin dan melaksanakan tuntutan ilmu itu dengan baik.⁷⁵ Kefahaman yang benar terhadap sesuatu bidang ilmu diterima jika telah berlaku amanah dalam melaksanakan disiplin ilmu tersebut yang tidak membelakangi wahyu. Dengan hal yang demikian,

⁷¹ Al-Muhayah Mahfuz, "Maḥūm Al-Tadabbur Wa Ahammiyyatihi Wa Ahdāfihi Wa Fawā'idihī," laman sesawang *al-Akhbar*, diakses 20 November 2024, https://alakhbar.info/?q=node/42520#_ftn1.

⁷² Tanzil Project, "Tanzil: Quran Text," laman sesawang *Tanzil.net*, diakses 20 November 2024, <https://tanzil.net/#search/quran/%D8%AF%D8%A8%D8%B1%D9%88>.

⁷³ Zainorah Kadri, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran," 138.

⁷⁴ Zainorah Kadri, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran," 134.

⁷⁵ Zainorah Kadri, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran," 143.

seorang pemikir kritis terlebih dahulu akan mencari tahu, kemudian melengkapi diri dengan ilmu asas yang diperlukan sebelum melibatkan diri secara sepenuhnya dalam sesuatu bidang ilmu kerana mengetahui bahawa sikap menghormati disiplin ilmu adalah syarat terpenting untuk membentuk kefahaman yang benar.

Kalimah *ta'aqqul* pula sering ditemui di bahagian akhir ayat. Secara literal, kalimah tersebut merujuk terus kepada akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada umat manusia. Kebanyakan derivatifnya berbentuk *fi'il mudhari'* mengisyaratkan kepada gesaan untuk menggerakkan akal dengan menfungsikan keseluruhan kemampuannya mengikut ketetapan yang telah dijelaskan dalam al-Quran. Ketetapan yang diamksudkan adalah memulakan aktiviti berfikir dengan merenungi ciptaan alam serta menghayati sejarah kehidupan dan perkembangan manusia yang lepas. Kerangka berfikir mengenai dua aspek tersebut perlulah dipadukan tujuannya untuk memahami proses kehidupan supaya dapat mengenal Pencipta di sebalik kewujudan alam serta mengambil pengajaran daripada tingkah laku manusia pada zaman silam melalui siri kehidupan seperti yang telah dikisahkan pada banyak tempat dalam al-Quran. Hal ini kerana kalimah ini sering digandingkan dengan dua aspek tersebut dalam sesuatu ayat sebelum diakhirkan dalam bentuk pertanyaan atau pernyataan terkandung tujuan disebutkan kedua-dua aspek tersebut dalam ayat. Perkara ini menunjukkan bahawa perbuatan menggerakkan akal dengan meraikan dua aspek tersebut dalam proses berfikir adalah perkara yang serius terutama dalam usaha untuk bermuhasabah dan refleksi diri.⁷⁶

Konsep pemikiran kritis menurut perspektif Islam terlihat lebih lengkap terutama pada aspek tujuan atau pengakhiran aktiviti berfikir iaitu mencari dan memperakui akan kewujudan Pencipta. Hal ini kerana dalam Islam, al-Quran memainkan peranan yang sangat penting sebagai *kalamullah* yang mengandungi etika penggunaan akal yang terbaik iaitu menggunakannya berdasarkan fitrah penciptaannya. Hanya daripada wahyu Ilahi dapat diketahui bagaimanakah manual penggunaan akal yang bertepatan dengan fitrahnya supaya dapat mencapai konsep pemikiran kritis yang dinamakan penjenamaan ilmunya itu oleh umat manusia.

⁷⁶ Zainorah Kadri, "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif al-Quran," 129-130.

Sesungguhnya penggunaan akal menurut fitrah adalah dengan mengembalikan semula penggunaannya kepada Penciptanya.

Kesimpulan

Perbincangan dalam topik pemikiran kritis telah berkembang dengan sangat pantas dan mencakupi segala aspek. Namun demikian, pada sesetengah waktu konsep dan pendekatan kajian kelihatan serupa. Hal ini berkemungkinan disebabkan faktor tren semasa yang menjadi tumpuan dan pilihan pengkaji untuk mengekalkan pendekatan kajian yang sama. Walaupun mengekalkan pendekatan yang sama, namun skop dan batasan kajian adalah berbeza sesama pengkaji. Perbezaan ini membantu untuk melengkap dan mengembangkan lagi cabang perbincangan dalam topik pemikiran kritis. Variasi aspek skop dan batasan itu telah membongkar konsep dan elemen pemikiran kritis menurut perspektif Islam. Pembongkaran ini seterusnya mengangkat keunggulan ilmu pemikiran kritis dalam perspektif Islam yang lebih komprehensif dan mempunyai kayu ukur yang lebih jelas dalam mendefinisikan aspek kebenaran, aspek keadilan dan yang paling utama meletakkan matlamat akhir aktiviti berfikir iaitu untuk mengenal dan mengakui kehebatan Pencipta Alam, Allah SWT. Keakuran itu kemudiannya melahirkan keinsafan dan diterjemahkan dalam bentuk perilaku akhlak yang terpuji sebagai instrumen untuk bermuamalah dengan harmoni sesama manusia supaya dapat membentuk kehidupan bermasyarakat yang sejahtera.

Rujukan

- Abdul Mukti Baharudin. "Peranan Akal dalam Mengenal Allah S.W.T.: Kajian Terhadap Surah al-Nahl." *Proceeding of the International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith 2018 (THIQAHAH 2018)*, ILIM, Bangi, Selangor, 7 Mac 2018.
- Abdul Mumini Inda, and Ahmad Johari Sihes. "Islamic and Western Perspectives of Critical Thinking." *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (IRJSMI)* 4.10 (2022): 20-29.
- Benjamin S. Bloom, Max D. Engelhart, Edward J. Furst, Walker H. Hill, and David R. Krathwohl. *Taxonomy of Educational*

- Objectives: The Classification of Educational Goals*. USA: David Mckay Company, 1956.
- Deraman, Fauzi. "Metodologi Muhaddithin: Suatu Sorotan", *Jurnal Usuluddin* 12 (2000): 1-18.
- Hamdah Khamis Muhammad Syahwani. "Bina' 'Aql Naqdiyah fi al-Quran al-Karim." Tesis sarjana, Qatar University, Qatar, 2022.
- Özdemir, İbrahim. "Critical thinking and Innovation: An Islamic Perspective." *Journal of Technology and Operations Management* 15.2 (2020): 33-41.
- Badi, Jamal. "Thinking Terminologies from Qur'onic Perspective and Their Impact on Human Intellectual Development." *International Journal of Arab Culture, Management and Sustainable Development* 2.1 (2011): 41-54.
- Sulaiman, Jelani. "Hadith as a Source of Reference for Creative Thinking and Problem Solving among Muslim Students in Tertiary Education." Dalam *UnIPSAS Conference and Proceedings*, vol. 1, no. 1, pp. 78-88. 2021. International Conference And Muktamar On Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)
- Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Sobri Ellias. "Aspek-aspek Pemikiran Kritis dalam al-Qawa'id al-Fiqhiyyah." *Jurnal Syariah* 18.3 (2010): 527-564.
- Norafifah Ab Hamid. "Budaya Berfikir Kritis: Kajian di Era Pemerintahan Khalifah Umar bin Abd Al Aziz." Tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.
- Richard Paul, and Linda Elder. *The Miniature to Critical Thinking: Concepts and Tools*. Kanada: The Foundation of Critical Thinking, 2006.
- Richard W. Paul, Linda Elder, and Ted Bartell. *California Teacher Preparation for Instruction in Critical Thinking: Research Findings and Policy Recommendations*. Sacramento: California Commission on Teacher Credentialing, 1997.
- Sa'aduddin Mansur Muhammad dan Tajuddin Ahmad Sa'id 'Abbas. "Cara Pemikiran Kritis Para Ulama Hadith." *Majalah Islam Asia, Volume Khas Islam dan Ibda'* 3 (2017): 88-95.

- Saed Dirar Mohamed Theeb. "Proof of Interest in Creative Thinking in the Islamic Jurisprudence." E-Proceeding Kolokium Siswazah Fakulti Sains dan Teknologi 2020 (KOSIST 2020) Faculty Science and Technology, Universiti Sains Islam Malaysia, 9 Disember 2020.
- Sayed Sikandar Shah Haneef, and Mek Wok Mahmud. "Critical Thinking in Islamic Law: The Search for Strategies." *Jurnal Syariah* 18.1 (2010): 78-83.
- Syuhaida Idha Abd Rahim, Mohd Dani Mohd, Mashita Abu Hasan dan Siti Khurshiah Mohd Mansor. "Applying Islamic perspective on Critical Thinking Skills in Teaching Halal Management Program: An Overview." *Jurnal Religación. Revista De Ciencias Sociales Y Humanidades* 4.14 (2019): 315-316
- Tajuddin al-Abbas. "Asbaqiyyah Ulama Muslimin fi Manhaj Tafkir al-Naqid." *DIRAYAH: Jurnal Ilmu Hadis* 1.1 (2020): 81-103.
- William James. *The Meaning of Truth*. United States America: Project Gutenberg, 2004.
- Yusuf al-Qaradawi. *Al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Quran al-Karim*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.
- Zahir 'Iwad al-Alma'i. *Manahij al-Jidal fi al-Quran al-Karim*. Riyadh: Al-Farazdak Press, 1983.
- Zainorah Kadri. "Elemen Pemikiran Kritis Menurut Perspektif Al-Quran: Kajian Surah Al-Rum." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.